

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

DBKK kesan peniaga guna pewarna ‘cantikkan’ ikan

Sampel diambil anggota Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu untuk siasatan lanjut KKM

Oleh Essa Abu Yamin dan Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengesahkan seorang peniaga ikan menggunakan bahan pewarna dipercayai untuk ‘mencantikkan’ ikan yang dijualnya di Pasar Malam Inanam, dekat sini, malam kelmarin.

Ia susulan pemeriksaan Jabatan Kesihatan Persekutuan Bandaraya (JKPB) DBKK bersama Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu berikutkan laporan di media sosial mengenai tindakan peniaga ikan meletakkan bahan pewarna dalam tong ikan, sehari sebelum itu.

Menerusi satu kenyataan, Ketua Pengaruh DBKK, Junainah Abbie, berkata semua 20 lot gerai menjual ikan di pasar malam terbabit diperiksa sebelum peniaga yang disyaki menggunakan pewarna dikesan.

“Sampel ikan yang dijual kemudian diambil oleh anggota Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu untuk siasatan lanjut Kementerian Kesihatan (KKM) sama ada pewarna terbabit berbahaya atau tidak,” katanya.

Beliau berkata, jika bahan pe-

warna yang digunakan mengandungi bahan berbahaya, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap peniaga yang menggunakan bahan berkenaan.

Pemeriksaan di Pasar Malam Inanam itu katanya, dijalankan seramai enam anggota JKPB DBKK yang diketuai Pegawai Teknologi Makanan, Addrian Ijom bersama empat anggota Bahagian Penjaja Jabatan Pelesehan DBKK dan tujuh anggota Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu yang diketuai Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran Rozita Ibrahim.

Junainah berkata, DBKK bersama KKM akan memperluaskan lagi operasi itu di semua lokasi menjual ikan di sekitar bandar raya ini bagi memastikan peniaga ikan tidak menggunakan bahan yang boleh menjejaskan kesihatan pengguna.

Sebelum ini, tular perbuatan peniaga ikan di pasar malam di negeri ini dikatakan menggunakan bahan pewarna dipercayai untuk menjadikan ikan kelihatan segar dengan kebiasaannya mereka menggunakan pewarna merah untuk mencelup ikan yang berwarna merah, seperti ikan mata besar atau lebih dikenali sebagai ikan ‘Uji Rashid’.

Tindakan itu dipercayai bagi mengaburi pengguna dengan mendakwa ikan dijual masih baharu dan segar berikutnya warna merahnya yang lebih terang.

FOMCA gesa ambil tindakan
 Sementara itu, di Kuala Lumpur, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menggesa pihak berkuasa mengenakan tindakan tegas terhadap peniaga yang meng-



Gambar tular di media sosial menunjukkan peniaga ikan disyaki memasukkan pewarna untuk mencelup ikan sebelum dijual. (Foto Facebook)

gunakan pewarna ke atas bahan segar untuk menipu pengguna.

Timbalan Setiausaha Agung, Nur Asyikin Aminuddin, berkata pemeriksaan secara mengejut perlu kerap dilakukan oleh pihak pengurusan supaya memberi tekanan kepada pihak peniaga untuk sentiasa mematuhi standard keselamatan makanan tanpa sebarang kompromi.

“Tidak dinaflikan peniaga warga asing kebanyakannya berniaga tanpa lesen atau menggunakan lesen atas angin atau disewa daripada warganegara Malaysia sendiri.

“Perbuatan berkenaan menyebabkan peniaga warga asing ti-

dak mempunyai pendedahan dengan standar keselamatan makanan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri atau KKM,” katanya kepada BH.

Jelas beliau, peniaga tempatan juga kemungkinan ada melakukan kesalahan sama dengan mengambil contoh ada kes membatikan sayur-sayuran dan air mineral keluaran Malaysia yang ditarik balik oleh Singapura susulan tidak mematuhi standard keselamatan.

“Perkara terbabit membuktikan penguatkuasaan, terutama mengenai standard keselamatan makanan di Malaysia perlu dipertingkatkan,” katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

BH Khamis, 22 Februari 2024

Nasional

17

Redah hutan rawat Orang Asli

Petugas PBOA sedia khidmat kesihatan ke pedalaman

Gua Musang: Ketika sebahagian besar rakyat negara ini boleh mendapatkan rawatan kesihatan di klinik atau hospital dengan mudah, masyarakat Orang Asli di pedalaman berdepan kekangan kerana perjalanan yang jauh untuk ke bandar atas faktor geografi.

Namun di sebalik keterbatasan itu, tetap ada sinar buat mereka kerana Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) cekal meredah hutan belantara untuk memberi perkhidmatan kesihatan.

Pegawai Perubatan PBOA Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gua Musang, Dr Muhammad Aiman Aziz, 30, berkata menempuh jarak perjalanan yang panjang, meredah jalan ladang dan balak serta berdepan cuaca yang tidak menentu menjadi asam garam bagi anggota unit berkenaan.

"Klinik bergerak PBOA menawarkan perkhidmatan kesihatan

kepada Orang Asli seperti pemeriksaan saringan diabetes, bacaan tekanan darah, pemeriksaan ibu mengandung, pemeriksaan bayi baru lahir serta rawatan pesakit luar.

"Setiap kali masuk ke kawasan pedalaman unit PBOA turut membawa bersama bekalan ubat-ubatan, vaksin, alat-alat untuk digunakan ketika sesi klinik dan kad rawatan," katanya kepada BERNAMA di penempatan Orang Asli suku kaum Temiar di Pos Hau, di sini, baru-baru ini.

Ber cerita lanjut, Dr Muhammad Aiman berkata, terdapat tujuh Pos Orang Asli di daerah itu, empat lokasi iaitu Pos Hau, Pos Gob, Pos Belatin dan Pos Pasik berada di bawah bidang kuasa PBOA PKD Gua Musang manakala tiga lagi iaitu Pos Balar, Pos Simpor dan Pos Bihai dikendalikan pasukan bantuan daripada PKD Tanah Merah, Bachok dan Machang.

"Setiap minggu unit PBOA PKD Gua Musang membabitkan seorang pegawai perubatan, pelonj pegawai perubatan (dua), jururawat (empat), pembantu perawatan kesihatan (seorang) dan ahli farmasi (seorang) serta tiga pemandu akan pergi ke sebuah pos Orang Asli.

"Petugas pasukan itu perlu berlama di kawasan pedalaman kerana setiap kali mereka membuka klinik bergerak ia memerlukan tempoh yang lama seperti empat hari tiga malam, lima hari empat malam, malah sekiranya keadaan cuaca tidak begitu baik mereka perlu berada lebih lama di hutan belantara," katanya.

Di sebalik cabaran yang dihadapi, keletihan petugas PBOA hilang kerana kehadiran mereka sentiasa dinanti-nantikan masyarakat Orang Asli.

Buka klinik di lokasi berbeza

Dr Muhammad Aiman berkata, PBOA PKD Gua Musang adalah unit perkhidmatan kesihatan kepada komuniti Orang Asli paling besar di negara ini dianggotai tiga pegawai perubatan, pelonj pegawai perubatan (tiga), jururawat (12), pembantu perawatan kesihatan (dua) serta empat pemandu.

"Apabila masuk ke kawasan pedalaman, klinik bergerak dibuka di dua hingga tiga kampung setiap hari bergantung pada keperluan. Sekiranya keadaan memerlukan kami akan buka juga klinik bergerak pada waktu malam," katanya.

Tiga tahun berada dalam unit



Dr Muhammad Aiman membantu angota bomba mengusung pesakit Orang Asli naiki helikopter untuk dikejarkan ke Hospital Gua Musang di Kampung Tapai, Pos Hau.

(Foto BERNAMA)

PBOA, Dr Muhammad Aiman mengakui pengalaman yang diperoleh angota unit itu berbeza berbanding bertugas di hospital atau klinik kesihatan.

"Pada awalnya saya sendiri tidak begitu jelas apa peranan unit ini sebab apabila bercakap mengenai perkhidmatan kesihatan kita hanya terfikir klinik atau hospital, tetapi rupanya ada pa-

sukan kesihatan bergerak ke kawasan pedalaman.

"Sepanjang tiga tahun dalam unit ini, pelbagai pengalaman saya peroleh bukan sahaja membabitkan jarak perjalanan yang panjang, malah terpaksa bergerak pada waktu malam untuk merawat Orang Asli yang cedera parah diserang harimau," kata-nya.

(BERNAMA)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : WANITA & KELUARGA

Program khas tingkat semangat pesakit kanser

Petaling Jaya: Pengidap kanser payudara peringkat lanjutan atau *Advanced Breast Cancer* (ABC) memerlukan penumpuan khusus, termasuk dari segi rawatan dan sokongan padu dalam kalangan rakan serta keluarga dalam usaha menyembuhkan penyakit digeruni wanita itu.

Hakikat ini perlu kerana 47.9 peratus daripada kes kanser payudara di Malaysia dikesan pada tahap tiga dan empat.

Bagi meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan, perlu juga pengesanan awal untuk harapan sembah.

Selain itu, pesakit juga dinasihati mendapatkan bantuan menerusi program sokongan pesakit atau kumpulan penyokong.

Justeru, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Beacon Hospital and Novartis Malaysia bersama-sama mengajurkan *Gift Of Time* (Hadiah Masa), untuk memupuk semangat kemasyarakatan berkaitan kesedaran kanser payudara.

Program itu sebagai menyokong kelangsungan hidup pesakit kanser payudara, selain diisi dengan ceramah, perkongsian pengalaman pesakit kanser bagi

memupuk dan meningkatkan sokongan rakan seperjuangan dan kesedaran terhadap penyakit itu.

Berkongsi pengalaman, pesakit kanser payudara, Ta Huey Mein, 50, disahkan menghidap kanser payudara ABC pada usia 48 tahun perlu menerima realiti berdepan penyakit itu.

Huey Mein yang bujang dan

mempunyai ibu bapa sudah tua;

berkata beliau perlu mengikut

nasihat pakar onkologi untuk menjalani rawatan segera, termasuk kemoterapi, radioterapi konvensional dan akhirnya ber-

peluang mendapatkan terapi inovatif.

Beliau juga melalui lima pu-

singan radioterapi dan 18 kali

kemoterapi.

Namun, beliau tabah kerana rawatan itu amat bermakna buat dirinya kerana bukan dapat mengawal kanser, tetapi boleh meneruskan kehidupan seperti biasa dan tidak perlu berhenti kerja bagi menyara kehidupan keluar-

ganya.

Mengimbang detik itu, beliau berkongsi pengalaman dan na-

sihat kepada insan senasib supa-

ya terus cekal ketika berhadapan



Kumpulan penyokong dan pesakit kanser payudara saling memberi dorongan dalam meningkatkan kesedaran terhadap penyakit kanser pada majlis 'Gift of Time', baru-baru ini.

saat getir penyakit kanser itu.

"Sentiasa berfikiran positif dan jangan lupa, anda juga tidak keseorang. Keluarga dan doktor anda ada di sisi.

"Jadi, sentiasa dapatkan maklumat perubatan yang betul daripada pengamal perubatan yang boleh dipercayai kerana terdapat banyak maklumat yang kurang tepat di luar sana," kongsinya.

Kekalkan kualiti hidup

Ketua Onkologi Hospital Beacon, Dr Tho Lye Mun, menerusi pengalaman dengan pesakit kanser lain yang berkongsi liku-liku perjalanan membolehkan mereka

memahami dan menghargai cabaran yang dihadapi satu sama lain. Mereka juga dapat meraih peristiwa penting agar menjadi inspirasi kepada insan lain.

Katanya, kanser payudara memberikan kesan mendalam kepada pesakit dan melalui perjuangan melawan penyakit.

Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, Dr Murallitharan Munisamy, berkata pihaknya menggalakkan pesakit kanser payudara bukan sahaja untuk memberi tumpuan kepada kesejahteraan fizikal mereka, tetapi juga mempertimbangkan aspek emosi dan kewa-

ngan dalam perjalanan itu.

Dengan pelbagai kemajuan perubatan yang terkini usaha mengekalkan kualiti hidup bukan lagi satu kemewahan, tetapi satu keperluan." katanya.

"Kami menyokong inisiatif seperti *Gift of Time* selepas mengambil kira kehendak dan keperluan pengidap kanser ABC.

"Dengan sokongan rakan seperjuangan menerusi *Gift Of Time* adalah platform yang unik untuk mereka menjalin hubungan baharu di samping mengeratkan silaturahim," kata Presiden Novartis Malaysia, Mohamed Elwakil.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : LOKAL

DBKK PERIKSA 20 GERAI DI PASAR MALAM INANAM

Kantoi' celup ikan dalam pewarna supaya nampak segar

Kota Kinabalu: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengesan seorang peniaga ikan menggunakan bahan pewarna dipercayai untuk 'mencantikkan' ikan yang dijualnya di Pasar Malam Inanam dekat sini, malam kelmarin.

Ia susulan pemeriksaan yang dilanjutkan anggota Jabatan Kesihatan Persekutuan Bandaraya (JKPB) DBKK bersama Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu berikut laporan di media sosial mengenai tindakan peniaga ikan meletakkan bahan pewarna dalam tong ikan, sehari sebelum itu.

Menerusi satu kenyataan, Ketua Pengarah DBKK Junainah Abbie berkata, semua 20 lot gerai menjual ikan di pasar malam terabit diperiksa sebelum peniaga yang disyaki menggunakan pewarna di-kesan.

Beliau berkata, sampel ikan yang dijual kemudian diambil oleh anggota Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu untuk siasatan lanjut Kementerian Kesihatan (KKM) sama ada pewarna terabit berbahaya atau tidak.

"DBKK melakukan pemeriksaan



di Pasar Malam Inanam susulan aduan pewarna yang digunakan pada ikan yang dijual dan kita dapat mengesan penjaja yang disyaki menggunakan pewarna untuk mewarnakan ikan.

"Sampel ikan dibawa ke makmal oleh pihak KKM untuk siasatan lanjut dan hasilnya nanti akan dimaklumkan kepada JKPB DBKK untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, jika bahan pewarna yang digunakan mengandungi bahan berbahaya, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap peniaga yang menggunakan bahan berkenaan.

Pemeriksaan di Pasar Malam Inanam itu katanya, dilanjutkan seramai enam anggota JKPB DBKK yang diketuai Pegawai Teknologi Makanan Adrian Ijom bersama empat anggota Bahagian Penjaja Jabatan Pelepasan DBKK dan tujuh anggota Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu yang diketuai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Rozita Ibrahim.

Junainah berkata, DBKK bersama KKM akan memperluaskan lagi operasi itu di semua lokasi menjual ikan di sekitar bandar raya ini bagi memastikan peniaga ikan tidak menggunakan bahan yang bo-



PENGUAT KUASA DBKK melakukan pemeriksaan.

leh menjelaskan kesihatan pengguna.

Sebelum ini, tular perbuatan peniaga ikan di pasar malam menggunakan bahan pewarna yang dipercayai untuk menjadikan ikan kelihatan segar dengan kebiasaan mereka menggunakan pewarna merah untuk mencelup

ikan yang berwarna merah, seperti ikan mata besar atau lebih dikenali sebagai ikan 'Uji Rashid' di Sabah.

Tindakan itu dipercayai bagi mengaburi pengguna dengan mendakwa ikan yang dijual mereka masih baharu dan segar berikut warna merahnya yang lebih terang.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Apa istimewanya golongan perokok?

BARU-BARU ini, Kementerian Kesihatan (KKM) dilaporkan sedia mempertimbang cadangan untuk menyediakan satu kawasan khas merokok khususnya bagi premis makanan di kawasan sempit.

Tidak dinafikan, pengumuman tersebut membuatkan ramai kecewa, termasuklah penulis sendiri yang mempunyai bapa saudara meninggal dunia baru-baru ini akibat kanser paru-paru.

Apa yang menghairankan, bapa saudara penulis tidak pernah menyentuh sebatang pun rokok sepanjang hidupnya.

Setelah dijejak semula sejarah kehidupan lampau, rupa-rupanya arwah pernah duduk sebilik dengan hampir enam orang rakan-rakan sepengajian yang semuanya menghisap rokok.

Sebenarnya, ramai yang masih tidak tahu kesan sebenar asap rokok sekunder terhadap kesihatan.

Bagaimanapun, kajian telah membuktikan sebaliknya.

Menurut data data Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat, sejak tahun 1964, hampir 2.5 juta individu tidak merokok meninggal dunia akibat masalah kesihatan yang berpunca daripada pendedahan terhadap asap



Analisis Sermasa

Bersama
NUR FATIN ZAHRA

rokok sekunder.

Justeru, wajarkah kerajaan menyediakan tempat khas untuk para perokok sedangkan mereka yang menderita disebabkan asap tersebut adalah orang lain?

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, hanya orang yang mementingkan diri sahaja tergantak untuk merokok di tempat awam.

Menurut beliau, golongan sebegini tidak beretika dan tidak bertanggungjawab, apatah lagi hendak memikirkan tentang keselamatan orang lain.

Tambah Dr. Sharifa, masih ramai perokok yang tidak cakna mengenai kesan asap rokok sekunder yang mengandungi lebih daripada 7,000 bahan kimia dan sesetengahnya bersifat karsinogenik.

"Oleh itu, pembinaan kawasan khas merokok, terutamanya di tempat makam adalah kurang sesuai, lebih-lebih lagi jika kawasan tersebut

kecil dan sempit.

"Kesananya, orang yang tidak merokok juga akan terdedah kepada asap rokok sekunder, juga dikenali sebagai *secondhand smoke*," ulasnya.

Tambah beliau, orang ramai perlu sedar bahawa belum ada lagi paras selamat bagi pendedahan terhadap asap rokok sekunder.

"Kesan asap rokok sekunder boleh menyebabkan organ jantung terkesan, salur darah mengecut, darah menjadi pekat dan meningkatkan risiko strok sehingga 20 hingga 30 peratus.

"Kaum Hawa paling terkesan dengan pendedahan terhadap asap rokok. Sekiranya terdedah kepada bayi dalam kandungan, ia boleh meningkatkan risiko kelahiran pramatang," katanya.

Tambah Dr. Sharifa, bayi yang terdedah dengan asap rokok sekunder juga berisiko untuk mengalami sindrom kematian bayi mengejut (SIDS) yang lazimnya berlaku kepada bayi bawah usia satu tahun.

Halikatnya, jika perokok dibenarkan untuk merokok di tempat awam, semua golongan akan terdedah.

Jangan kita ambil kira 'perasaan' dan 'kemudahan' para perokok sahaja. Bagaimana pula dengan orang lain yang tidak merokok dan akhirnya menjadi mangsa keadaan selama ini?

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : CETUSAN

Kenapa perlu peduli tempat untuk perokok?



ANALISIS
MUKA 16

HAFIZA HASAN

Isu rokok kembali menjadi bualan ramai apabila kerajaan bercadang untuk menyediakan kawasan khas merokok khususnya bagi premis makanan di kawasan sempit.

Walaupun sekadar cadangan, namun ia menimbulkan pelbagai reaksi orang ramai. Bagi perokok, tentulah mereka bersetuju dengan cadangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu. Senanglah mereka nak 'berasap' selepas perut kenyang menikmati hidangan.

Tapi bagi mereka yang tidak merokok, sudah tentu cadangan tersebut sesuai yang menjengkelkan.

Dari satu sudut lain, kita juga tertanya-tanya apa sudah jadi dengan kempen Larangan Merokok yang diwujudkan kerajaan sejak seian lama dalam usaha mengurangkan budaya merokok dalam kalangan rakyat Malaysia?

Sepatuinya kerajaan perlu tegas dengan prinsip 'katakan tidak kepada rokok' dan bukannya melontarkan soalan 'di mana kita boleh merokok'.

Menyediakan tempat khas umpan melayan nafsu perokok untuk bebas menyedut dan menghembus 'asap nikmat' di mana saja, sementara yang tidak merokok akan terus menjadi mangsa menghidu bau busuk asap rokok daripada orang lain.

Statistik menunjukkan terdapat kira-kira lima juta rakyat Malaysia berusia 15 tahun dan ke atas adalah perokok. Ini didebak bebas Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa pada November lalu yang

turut menjangkakan jumlah perokok baharu terus meningkat berikutan kemunculan rokok elektronik atau vape.

Beliau turut mendedahkan bahawa tinjauan kesihatan dan kombriditi kebangsaan mendapat jumlah perokok dalam lingkungan usia seawal 15 tahun meningkat sekali ganda kepada 1.2 juta pada tahun 2019 berbanding 600,000 perokok pada 2016.

Kesimpulannya, ini sesuatu yang amat dibimbangkan.

Dengan vape yang tergantung di dada, pod yang digenggam hampir setiap masa, mungkin apa yang kerajaan hasratkan itu adalah untuk bersikap adil kepada perokok, namun ia perlu diteliti semula.

Pada tahun 2018, menteri kesihatan ketika itu, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad telah memperkenalkan peraturan kawasan merokok dengan jarak tiga meter dari premis makanan.

Penulis masih ingat, ketika itu ramailah yang mengeluh, malah 'jabatan netizen' juga memberi macam-macam alasan serta komen, tidak kurang juga mereka yang bersetuju dengan idea tersebut yang disifatkan sebagai permuulan untuk udara lebih sihat di negara ini.

Kemudian Kementerian Perumanan dan Kerajaan Tempatan waktu itu mengambil inisiatif membina ruang khas untuk merokok di tempat awam dengan peruntukan RM1 juta diberikan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). Ia mengundang kritikan Majlis Kawalan Tembakau Malaysia apabila mendakwa tindakan itu hanya akan menggalakkan perokok berkumpul beramai-ramai.

Apa sebenarnya inisiatif paling terbaik? Benarkah merokok secara bersyarat atau melarang terus?

Tentulah pilihan kedua lebih baik. Namun pelaksanaannya

“

Sepatuinya kerajaan perlu tegas dengan prinsip 'katakan tidak kepada rokok' dan bukannya melontarkan soalan 'di mana kita boleh merokok'.

bukanlah semudah disangka dan memerlukan iltizam yang tinggi. Perlu ada kesungguhan untuk memastikan ia tercapai seperti dikongsikan Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) yang mahu larangan merokok dikekalkan tanpa ada sebarang *turn*.

Dari segi matematiknya, pemilik restoran mungkin rugi kerana pelanggan akan lari ke tempat yang lebih mudah untuk merokok. Namun dari segi moral, restoran berkenaan telah membantu negara dalam memastikan generasi baharu selamat daripada tabiat merokok.

Walaupun syor mahu mewujudkan kawasan khas merokok di premis belum muktamad, sebenarnya cadangan seperti itu tidak sepautnya keluar daripada KKM.

Lebih baik kekalkan sahaja larangan merokok di premis makanan, dalam masa sama tingkatkan lagi penguatkuasaan agar peraturan yang diwujudkan dipatuhi semua orang.

Kalau kerajaan sendiri masih memikirkkan kebijakan perokok, apa yang diusahakan selama ini untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya merokok menjadi sia-sia.

*Nurhafiza Hasan ialah Penyunting Sinar Harian

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : DALAM NEGERI



PEGAWAI dan anggota DBKK serta KKM memeriksa ikan yang disyaki menggunakan pewarna terlarang di Pasar Inanam, Kota Kinabalu, semalam.

DBKK kesan penjual ikan guna pewarna terlarang

KOTA KINABALU: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berjaya mengesan penjaja yang disyaki meletakkan pewarna terlarang pada ikan dijualnya di bandar raya ini.

Operasi dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Penjaja DBKK bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Kesihatan Persekutuan Bandaraya (JKPB) bermula pukul 7 hingga 9.30 malam.

Operasi disertai 10 pegawai dan anggota DBKK serta tujuh pegawai KKM.

Ketua Pengarah DBKK, Junainah Abbie berkata, sampel ikan dibawa ke makmal oleh KKM untuk mengenal pasti keberkesanan pewarna yang digunakan.

"Laporan ujian ke atas

sampel yang diambil akan dimaklumkan oleh KKM kepada JKPB untuk tindakan lanjut.

"Kita masih menunggu laporan terperinci daripada makmal yang dijangka diperoleh dalam tempoh terdekat. Sekiranya terbukti maka tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga ikan tersebut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Baru-baru ini tular gambar penjaja ikan di Pasar Inanam di sini disyaki menggunakan pewarna terlarang pada ikan yang dijualnya.

Junainah memberitahu, operasi sedemikian akan diperluaskan bagi memastikan peniaga ikan bebas daripada menggunakan bahan pewarna terlarang seterusnya dapat menjamin kesihatan pengguna.